

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN EMPAT BELAS DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB PUAN SU KEONG SIONG (KAMPAR)

TARIKH : 6 NOVEMBER 2019

SOALAN

TUAN SU KEONG SIONG [KAMPAR] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan perancangan bagi memperluas bidang kuasa dan memperkasakan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) memandangkan faktor bahawa AADK memainkan peranan penting dalam usaha membasmi penagih dadah.

JAWAPAN

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Terima kasih Yang Berhormat Kampar.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Agensi Antidadah Kebangsaan ataupun AADK merupakan agensi utama dalam usaha membasmi gejala penagihan dadah.

AADK mempunyai peranan yang amat penting dan oleh itu langkah-langkah berikut telah diambil untuk memperkasakan Agensi Antidadah Kebangsaan.

Pertama, Dasar Dadah Negara baru yang diluluskan pada tahun 2017 telah memperkasakan hala tuju Agensi Antidadah Kebangsaan dalam mewujudkan negara dan masyarakat Malaysia yang bebas daripada ancaman gejala dadah. Terdapat lima teras dalam Dasar Dadah Negara ini iaitu teras pendidikan dan pencegahan, teras rawatan dan pemulihan, teras penguatkuasaan, teras pengurangan kemudaratan dan juga teras kerjasama antarabangsa.

SOALAN NO : 1

Kedua, mempertingkatkan keberkesanan pengurusan AADK dengan memberi peruntukan tambahan dan pengisian jawatan. Pada tahun 2020 Tuan Yang di-Pertua, peruntukan belanja mengurus AADK telah meningkat sebanyak 15 peratus dari tahun 2019. Sebanyak 173 perjawatan juga telah diluluskan pengisian oleh Jabatan Perkhidmatan Awam pada tahun ini.

Ketiga, pemerkasaan undang-undang melalui kajian pindaan Akta Penagihan Dadah, Rawatan dan Pemulihan Tahun 1983 bagi meningkatkan pelaksanaan program rawatan dan pemulihan kepada penyalahgunaan dadah dan menggubal Rang Undang-undang Bahan Khayal, Rawatan dan Pemulihan bagi merawat mereka yang menyalah guna bahan khayal seperti gam.

Kerajaan sedar bahawa dalam menangani masalah dadah, AADK tidak mampu bergerak sendirian. Oleh itu tanggungjawab membasmi gejala penagihan dadah di peringkat komuniti harus dipikul bersama oleh NGO sektor swasta dan masyarakat setempat.

Dalam hal ini, Agensi Antidadah Kebangsaan mempunyai peranan utama sebagai penggerak komuniti melalui langkah-langkah seperti berikut:

(i) Mempertingkatkan aktiviti pencegahan dadah dengan kolaborasi antara agensi melalui Projek Rintis Agensi Antidadah Kebangsaan. Untuk makluman, projek rintis ini melibatkan sembilan kementerian dan 15 agensi dan jabatan. Untuk Kementerian Dalam Negeri sahaja terdapat lima agensi yang terlibat dalam projek rintis ini. Selaras dengan usaha kerajaan untuk membangunkan komuniti melalui penglibatan badan bukan kerajaan, kerajaan telah bersetuju untuk memperuntukkan sejumlah RM15 juta bagi melaksanakan Projek Rintis AADK pada tahun 2020; dan

(ii) Memperkemaskan keberhasilan program pemulihan dengan memberi fokus kepada 178 kawasan berisiko tinggi penagihan dadah dengan menggerakkan komuniti bagi menjalankan program pencegahan bersama-sama dengan Agensi Antidadah Kebangsaan.

Terima kasih.